

ANALISIS PELAKSANAAN TAWARRUQ DALAM PRODUK PEMBIAYAAN PERIBADI DI MALAYSIA.

Siti Aishah Binti Kasmon, Kamaruzaman Bin Noordin

Jabatan Syariah Dan Pengurusan

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya.

i_sha35@siswa.um.edu.my, zamann@um.edu.my

Abstrak

Tawarruq telah diperkenalkan di Malaysia sebagai alternatif kepada bay' al-ṭnah yang mencetuskan pelbagai kontroversi dikalangan sarjana kewangan Islam. Namun begitu, pelaksanaan tawarruq terancang dalam industri perbankan Islam telah mendapat tentangan daripada para sarjana disebabkan oleh aplikasi semasa yang dikatakan tidak mematuhi garis panduan Syariah. Draf tawarruq yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 6 Disember 2013 menunjukkan bahawa Malaysia masih lagi dalam peringkat kajian dan pembangunan garis panduan berkenaan dengan tawarruq. Justeru, kajian ini cuba untuk membandingkan modus operandi tawarruq dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia berdasarkan garis panduan Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institution (AAOIFI). Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dengan memilih Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan RHB Islamic Bank (RHBIB) sebagai kajian kes. Penyelidik mengumpulkan maklumat menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan temu bual bagi mendapatkan dokumen-dokumen produk pembiayaan peribadi di kedua-dua bank terpilih. Seterusnya, dokumen-dokumen tersebut dianalisis secara induktif dan deduktif dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 7. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa aspek dalam pelaksanaan produk pembiayaan peribadi berasaskan tawarruq yang tidak selari dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh AAOIFI. Antaranya ialah penggunaan bursa komoditi luar negara dan pelantikan bank itu sendiri sebagai ejen penjualan komoditi.

Keywords: *Tawarruq, Tawarruq al-Munazzam, Bay' al-ṭnah, AAOIFI*

1. Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang sentiasa menginovasi produk-produk baru dalam industri perbankan Islam. Namun begitu, pengaplikasian prinsip *bay' al-ṭnah* di Malaysia sering membangkitkan kontroversi dikalangan sarjana Timur Tengah. (Shaharuddin, A., t.t) Dalam kitab *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, *bay' al-ṭnah* ialah apabila seseorang menjual barangan secara tangguh, kemudian membelinya semula secara tunai dengan harga yang lebih rendah. (Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, t.t) Takrif ini juga selaras dengan takrif *bay' al-ṭnah* oleh jumhur fuqaha empat mazhab. (Maḥmūd, M. M. H, 2010) Penggunaan prinsip *bay' al-ṭnah* dalam produk perbankan Islam telah dibenarkan oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia tetapi semua badan pengeluar fatwa di Timur Tengah tidak membenarkan penggunaan prinsip ini dengan alasan ia membawa kepada riba. (Laldin, M. A. et. al., 2012)

Oleh kerana prinsip *bay' al-ṭnah* mempunyai banyak kontroversi di kalangan Sarjana Islam, maka kebanyakan para sarjana menyarankan prinsip *tawarruq* sebagai alternatif *bay' al-ṭnah* di Malaysia. (Ab. Ghani, A. M. dan Che Abdullah, A. S., 2006) *Tawarruq* ialah membeli sesuatu barang secara tangguh, kemudian menjualnya secara tunai kepada pihak ketiga dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang dibelinya bagi memperoleh wang tunai. (Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, t.t) Majoriti badan pengeluar fatwa di Timur Tengah sependapat dengan Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dengan membenarkan penggunaan prinsip *tawarruq*. (Laldin, M. A. et. al., 2012) Namun begitu, Majma' al-Fiqhī al-Islāmī dalam resolusinya No. 179 (19/5) tidak membenarkan pelaksanaan *tawarruq al-munazzam (tawarruq terancang)*. (Islamic Finance Knowledge Repository) Penentangan terhadap penggunaan *tawarruq* terancang adalah disebabkan oleh aplikasi semasa institusi kewangan dan perbankan Islam yang tidak mematuhi keperluan Syariah sepertimana yang telah digariskan oleh para ulama silam. (Dusuki, A. W., 2010)

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa pertikaian terhadap penggunaan prinsip *tawarruq* dalam produk perbankan Islam di kalangan para sarjana masih menjadi isu walaupun ia diterima secara global berbanding *bay' al-ṭnah*. Sehingga hari ini, belum ada pembuktian terhadap pelaksanaan *tawarruq* dalam produk-produk perbankan Islam di Malaysia mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh AAOIFI. Tambahan pula, Malaysia masih belum mewujudkan satu garis panduan *tawarruq* secara terperinci yang boleh dijadikan panduan oleh institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam yang menggunakan prinsip ini dalam produk-produk mereka. *Exposure Draft Tawarruq (Shariah Requirements & Optional Practices)* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 6 Disember 2013 masih belum dikuatkuasakan menunjukkan bahawa Malaysia masih lagi dalam peringkat kajian dan pembangunan garis panduan berkenaan dengan *tawarruq*. Justeru, kajian ini cuba untuk membandingkan modus operandi *tawarruq* dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia berdasarkan garis panduan AAOIFI dengan memilih Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan RHB Islamic Bank Berhad (RHBIB) sebagai kajian kes.

2. Ulasan Penyelidikan Lepas

Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali membincangkan tentang pandangan para ulama serta modus operandi aplikasi kontemporari *bay' al-ṭnah* dan *tawarruq* dalam produk-produk pembiayaan, deposit dan lindung nilai yang diamalkan di Malaysia. Beliau juga turut membincangkan tentang isu helah dalam *bay' al-ṭnah* dan *tawarruq*. Beliau mencadangkan agar institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam dapat menjauhi transaksi *bay' al-ṭnah* dan menggantikannya dengan alternatif-alternatif lain seperti mudarabah dan musyarakah atau sekurang-kurangnya *tawarruq*. (Engku Ali, E. R. A., 2008).

Mohd Farihal Osman dalam tesis beliau telah mencari idea dari sarjana-sarjana penasihat Syariah, mufti dan pengamal-pengamalnya mengenai penggunaan *bay' al-ṭnah* dan *tawarruq*. Berdasarkan kaedah analisis deskriptif, hasil kajian mendapati bahawa *bay' al-ṭnah* adalah diterima pakai untuk digunakan di Malaysia. Walaupun *tawarruq* merupakan alternatif yang lebih baik, tetapi masih terdapat ramai pengamal tidak mempunyai pengetahuan mengenai konsep tersebut memandangkan ianya baru di pasaran. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati bahawa agak susah untuk mengaplikasikan konsep *tawarruq* oleh perbankan Islam di Malaysia. Menurut pandangan penyelidik, hasil kajian ini wajar kerana

semasa kajian ini dijalankan bank-bank Islam tempatan masih belum melaksanakan konsep *tawarruq*. (Osman, M. F., 2007)

Kertas kerja yang dibentangkan dalam Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara pada 28 Jun 2006 membincangkan tentang konsep *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* meliputi definisi, bentuk-bentuk, pandangan fuqaha, dan hujah-hujah keharusan dan pangharaman kedua-dua prinsip tersebut. **Shamsiah Mohamad** merumuskan bahawa isu utama dalam penggunaan *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* ialah isu helah kepada riba kerana wujudnya persepakatan awal antara pihak yang terlibat. Beliau berpendapat bahawa pelaksanaan *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* perlu diberi perhatian agar ia selari dengan bentuk *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* yang dibenarkan. (Mohamad, S., 2006) **Aznan Hasan** pula mendedahkan bahawa kewujudan persepakatan *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* boleh dilihat dalam Surat Tawaran (LO) atau Perjanjian Kemudahan (FA). Beliau mencadangkan bahawa prosedur kontrak yang dijelaskan dalam LO atau FA diterima sebagai *al- al-tafāhum al-jānibī (al-mufāhamah)* dan memastikan bahawa Perjanjian Belian Aset (PPA) dan Perjanjian Jualan Aset (PSA) tidak mempunyai sebarang klausa yang menggambarkan *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq*. Beliau juga mencadangkan agar penggunaan *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* atas dasar *ḍarūrah* dan pilihan terakhir. (Hasan, A., 2006)

Asyraf Wajdi Dusuki memfokuskan kajian terhadap pelaksanaan *tawarruq* dalam Bursa Suq Al-Sila'. Beliau membincangkan tentang isu-isu yang timbul yang menyebabkan Majma' al-Fiqhī al-Islāmī mengharamkan *tawarruq* terancang. Isu-isu tersebut ialah berkenaan dengan komoditi, pemilikan dan penghantaran komoditi, isu *bay' al-ṭinah* dan isu berkaitan dengan agensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa aplikasi semasa *tawarruq* terancang oleh Institusi Kewangan Islam telah melanggar garis panduan yang ditetapkan oleh AAOIFI. Walaupun inisiatif Bursa Malaysia memperkenalkan Bursa Suq Al-Sila' sebagai platform untuk melaksanakan transaksi *tawarruq* dapat menyelesaikan banyak isu-isu syariah, namun masih terdapat beberapa isu yang belum mampu diselesaikan. (Dusuki, A. W., 2010)

Asmak Ab Rahman et.al membahaskan tentang pandangan para ulama silam dan kontemporari terhadap *tawarruq* serta hujah-hujah mereka dalam menerima dan menentang *tawarruq*. Disamping membincangkan tentang perbezaan antara *tawarruq* dengan *bay' al-ṭinah*, beliau turut membincangkan modus operandi pelaksanaan *tawarruq* secara ringkas dalam produk pembiayaan peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). (Ab Rahman, A. et.al, 2010)

Rafe Haneef pula membincangkan tentang modus operandi beberapa mod *tawarruq* semasa yang digunakan sebagai kemudahan kecairan dan pembiayaan. Beliau membandingkan modus operandi tersebut dari sudut fiqah. Beliau mendapati bahawa beberapa alasan yang digunakan oleh golongan yang menentang *tawarruq* telah dibenarkan dalam penggunaan kontrak-kontrak semasa yang lain seperti murabahah dan ijarah. Beliau berpendapat bahawa pengharaman *tawarruq* secara mendadak tanpa mengemukakan solusi yang terbaik boleh mengganggu kestabilan industri kewangan Islam. Sebaliknya, membenarkan penggunaan *tawarruq* dengan menetapkan garis panduan tertentu yang boleh diterima pakai dapat menjamin kemaslahatan seterusnya dapat meningkatkan industri kewangan Islam. (Haneef, R., 2011)

Penyelidik berpendapat bahawa, kajian pelaksanaan *tawarruq* secara mendalam di institusi perbankan Islam terpilih dapat mengembangkan lagi ilmu pengetahuan tentang amalan *tawarruq* di Malaysia. Dalam kajian ini, penyelidik akan menganalisis dokumen-dokumen rasmi dua buah bank terlibat dan membandingkannya dengan garis panduan AAOIFI. Kaedah ini merupakan suatu kelainan dalam kajian penyelidik kerana belum ada lagi penyelidik terdahulu yang menggunakan kaedah ini.

3. Metodologi, Analisis dan Perbincangan

3.1 Metodologi

3.1.1 Reka bentuk kajian:

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidik menggunakan reka bentuk kajian kes di mana BIMB dan RHBIB dipilih sebagai subjek kajian.

3.1.2 Metodologi Pengumpulan Data

Penyelidik menggunakan kaedah perpustakaan bagi mengumpul maklumat berkenaan konsep *tawarruq* merangkumi jurnal, pembentangan kertas kerja, tesis dan disertasi serta garis panduan AAOIFI. Disamping itu, penyelidik juga menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur bagi mendapatkan dokumen-dokumen rasmi BIMB dan RHBIB.

3.1.3 Metodologi Analisis Data

Penyelidik menggunakan perisian ATLAS.ti 7 sebagai alat untuk menganalisis maklumat-maklumat yang terdapat di dalam garis panduan AAOIFI dan dokumen-dokumen rasmi bank-bank terpilih. Penyelidik hanya menggunakan perisian ATLAS.ti ini sebagai alat bagi memudahkan penyelidik memproses kod-kod yang dibina dan menterjemahkannya dalam bentuk visual. Penyelidik membina kod-kod ini sama ada secara induktif ataupun deduktif. Kaedah induktif akan digunakan ketika menganalisis garis panduan AAOIFI. Berdasarkan petikan yang terdapat dalam garis panduan tersebut, penyelidik membina kod-kod yang sesuai. Seterusnya, penyelidik akan menggunakan kod-kod yang dibina tersebut sebagai landasan teori bagi menganalisis dokumen-dokumen rasmi bank-bank terpilih secara deduktif. Seterusnya, penyelidik akan menggunakan kaedah komparatif bagi menganalisis keselarian modus operandi *tawarruq* dalam produk pembiayaan peribadi antara bank-bank terpilih dengan garis panduan AAOIFI.

3.2 Analisis dan Perbincangan Kajian

3.2.1 Garis Panduan AAOIFI

Garis panduan AAOIFI berkenaan dengan *tawarruq* yang akan digunakan oleh penyelidik adalah "*Shari'a Standard No. (30), Monetization (Tawarruq)*". Dalam garis panduan ini, penyelidik hanya memilih syarat-syarat berkenaan komoditi dan perwakilan *tawarruq* sahaja untuk dibincangkan dalam kajian ini. Berikut merupakan syarat-syarat komoditi dan perwakilan yang ditentukan oleh AAOIFI dalam pelaksanaan *tawarruq*:

Jadual 1: Garis Panduan AAOIFI Berkenaan dengan Komoditi dan Perwakilan *Tawarruq*.


Bil	Kod	Sub Kod	Petikan garis panduan AAOIFI
1	Komoditi	Jenis Komoditi	Komoditi tersebut mestilah komoditi sebenar yang dimiliki oleh penjual sebelum menjualnya.
2	Komoditi	Jenis Komoditi	Komoditi yang dijual bukan terdiri daripada emas, perak, dan matawang.

3	Komoditi	Dikenal pasti	Komoditi yang digunakan dalam transaksi <i>tawarruq</i> perlu dikenal pasti dengan baik melalui pengasingan komoditi yang dijual itu daripada komoditi-komoditi lain ataupun melalui penomboran ke atas dokumen komoditi tersebut.
4	Komoditi	Maklumat Kuantiti & Tempat Penyimpanan	Sekiranya komoditi tidak wujud semasa kontrak dijalankan, penjual haruslah memberi keterangan yang penuh kepada pelanggan berkenaan dengan kuantiti dan tempat penyimpanan komoditi yang digunakan. Oleh itu, penggunaan komoditi tempatan adalah lebih utama.
5	Komoditi	Jual Beli Komoditi	Komoditi yang dijual mestilah diterima oleh pembeli.
6	Komoditi	Jual Beli Komoditi	Komoditi mestilah dijual kepada pihak ketiga bagi mengelakkan unsur <i>Bay' al- 'Inah</i> .
7	Komoditi	Jual Beli Komoditi	Komoditi tidak boleh kembali kepada penjual asal.
8	Perwakilan		Pelanggan tidak boleh mewakilkan pihak institusi atau ejennya untuk menjual komoditi yang dibelinya daripada institusi tersebut bagi pihaknya. Sekiranya pelanggan tersebut tidak dibenarkan untuk menjual komoditi kecuali hanya melalui institusi yang sama, maka dia boleh mewakilkan institusi tersebut untuk menjual komoditi hanya selepas pelanggan tersebut menerima komoditi itu.
9	Perwakilan		Institusi tidak boleh mengatur pihak ketiga sebagai wakil kepada pelanggan bagi menjual komoditi yang dibelinya daripada institusi tersebut.
10	Perwakilan		Pelanggan hendaklah menjual sendiri komoditi yang dibelinya. Sekiranya pelanggan menjual komoditi melalui ejen, ejen tersebut bukanlah ejen institusi.

Sumber: *Shari'a Standard No. (30), Monetization (Tawarruq), AAOIFI.*


3.2.2 Analisis dan Perbincangan Komoditi *Tawarruq*

1) Jenis Komoditi



Berdasarkan *network* di atas, penyelidik mendapati bahawa komoditi yang digunakan oleh BIMB untuk transaksi *tawarruq* bagi produk pembiayaan peribadi adalah paladium. RHBIB pula menggunakan kredit Prabayar. Penyelidik berpendapat bahawa penggunaan paladium di BIMB dan kredit Prabayar di RHBIB sebagai komoditi transaksi *tawarruq* dalam produk pembiayaan peribadi tidak bertentangan dengan garis panduan AAOIFI. Kedua-dua jenis komoditi ini bukanlah tergolong dalam kategori emas, perak dan matawang. Kemudian, BIMB akan membeli komoditi seperti yang diminta oleh pelanggan daripada broker DD & Co Limited dan menjualnya kepada pelanggan. Pengesahan penjualan ini pula akan direkodkan dalam dokumen AOP. Kredit Prabayar yang digunakan oleh RHBIB akan menjadi milik pihak bank apabila RHBIB membeli kredit Prabayar tersebut daripada pembekal melalui sistem As-Sidq sebelum menjualnya kepada pelanggan. Hal ini menunjukkan bahawa BIMB dan RHBIB menjual komoditi kepada pelanggan setelah komoditi tersebut menjadi milik pihak bank. Maka, transaksi ini tidak bercanggah dengan garis panduan AAOIFI yang memerlukan penjual memiliki komoditi sebelum menjualnya kepada pembeli.


2) Dikenal pasti



Rajah 2: Network Analisis Perbandingan Terhadap Syarat Dikenal Pasti Komoditi *Tawarruq* Antara BIMB dan RHBIB dengan AAOIFI.

Hasil analisis menunjukkan bahawa BIMB tidak menyediakan maklumat berkenaan dengan nombor rujukan komoditi kepada pelanggan. Walaubagaimanapun, nombor rujukan komoditi ada dicatatkan dalam dokumen urus niaga jual beli komoditi dan disimpan oleh pihak perbendaharaan bank. RHBIB pula mencatatkan nombor siri yang berbeza untuk setiap kredit Prabayar yang bernilai RM1000 di dalam Pesanan Belian (DO).¹ Hal ini menunjukkan bahawa RHBIB telah mematuhi garis panduan AAOIFI agar komoditi yang digunakan dalam transaksi *tawarruq* dikenal pasti dengan baik.


3) Maklumat Kuantiti dan Tempat Penyimpanan



Rajah 3: Network Analisis Perbandingan Terhadap Maklumat Kuantiti dan Tempat Penyimpanan Komoditi *Tawarruq* Antara BIMB dan RHBIB dengan AAOIFI.

Rajah 3 membuktikan bahawa BIMB dan RHBIB memberi keterangan berkaitan kuantiti dan tempat penyimpanan komoditi yang digunakan dalam transaksi *tawarruq* kepada pelanggan. Namun begitu, hasil kajian mendapati bahawa dokumen AOP yang dikeluarkan oleh BIMB dan SO yang dikeluarkan oleh RHBIB hanya diisi dengan lengkap dan diserahkan kepada pelanggan selepas perdagangan komoditi dilaksanakan. Maklumat berkenaan kuantiti dan lokasi komoditi ini tidak didedahkan kepada pelanggan semasa menandatangani kontrak. BIMB pula menggunakan komoditi luar negara dan ianya bertentangan dengan garis panduan AAOIFI yang mengutamakan penggunaan komoditi tempatan.

4) Jual Beli Komoditi




Rajah 4 menunjukkan bahawa BIMB dan RHBIB selari dengan AAOIFI dalam memenuhi syarat garis panduan AAOIFI agar komoditi yang dijual mestilah diterima oleh pembeli. Pemindahan pemilikan komoditi akan dilakukan dengan segera sebaik sahaja transaksi jual beli dilaksanakan menunjukkan bahawa komoditi yang dijual diterima oleh pembeli. Namun begitu, pelanggan tidak menerima komoditi yang dibeli secara fizikal kerana hasil analisis menunjukkan bahawa kedua-dua bank BIMB dan RHBIB hanya memindahkan pemilikan komoditi kepada pelanggan secara konstruktif. AAOIFI juga tidak membenarkan komoditi yang dibeli oleh pelanggan dijual semula kepada penjual asal. Hasil kajian membuktikan

bahawa pelanggan BIMB dan RHBIB yang membeli komoditi *tawarruq* akan menjual semula komoditi tersebut kepada pihak ketiga. Oleh kerana komoditi yang dibeli oleh pelanggan terbukti dijual kepada pihak ketiga, maka peristiwa komoditi kembali kepada penjual asal tidak berlaku.


3.2.3 Analisis dan Perbincangan Perwakilan

1) Pelanggan Tidak Mewakikan Bank Untuk Menjual Komoditi



Berdasarkan *network* di atas, garis panduan AAOIFI tidak membenarkan pelanggan mewakili bank bagi menjual komoditi yang dibelinya daripada institusi tersebut bagi pihaknya. Namun begitu, penyelidik mendapati bahawa kedua-dua bank terpilih tidak memenuhi syarat ini. Pelanggan melantik pihak bank sebagai wakil bagi menjual komoditi yang dibelinya kepada pihak ketiga. Menurut AAOIFI, sekiranya pelanggan tersebut hanya dibenarkan untuk menjual komoditi melalui pihak bank, maka dia boleh mewakili bank untuk menjual komoditi hanya selepas pelanggan menerima komoditi yang dibeli. Kajian mendapati bahawa pelanggan BIMB dan RHBIB melantik pihak bank sebagai wakil penjualan komoditi sebelum pelanggan menerima komoditi yang dibeli.


2) Institusi Tidak Mengatur Pihak Ketiga Sebagai Wakil Jualan



Rajah 6: *Network* Analisis Perbandingan Terhadap Syarat Kedua Perwakilan *Tawarruq*: Institusi Tidak Mengatur Pihak Ketiga Sebagai Wakil Jualan Komoditi.

Rajah 6 menunjukkan bahawa kedua-dua bank BIMB dan RHBIB tidak melanggar garis panduan AAOIFI berkenaan syarat perwakilan yang kedua iaitu bank tidak sepatutnya mengatur wakil pihak ketiga bagi menjual komoditi bagi pihak pelanggan. Sebaliknya, pihak bank sendiri yang bertindak sebagai ejen pelanggan bagi menjual komoditi.

3) Pelanggan Hendaklah Menjual Sendiri Komoditi yang Dibelinya



Rajah 7: *Network Analisis Perbandingan Terhadap Syarat Ketiga Perwakilan Tawarruq: Pelanggan Hendaklah Menjual Sendiri Komoditi Yang Dibelinya.*

Berdasarkan syarat AAOIFI, pelanggan hendaklah menjual sendiri komoditi yang dibelinya. Sekiranya pelanggan menjual komoditi melalui ejen, ejen tersebut bukanlah ejen institusi. *Network* di atas menunjukkan bahawa BIMB dan RHBIB telah menyalahi syarat ini kerana pelanggan melantik pihak bank supaya menjual komoditi yang dibeli bagi pihaknya.

4. Kesimpulan, Limitasi dan Cadangan

Kesimpulan yang dapat dibuat oleh penyelidik adalah BIMB dan RHBIB tidak selari dengan garis panduan AAOIFI dalam isu perwakilan. Disamping itu, isu komoditi perlu diberi perhatian oleh BIMB kerana bank ini tidak selaras dengan kehendak AAOIFI yang memperuntukkan agar komoditi yang dijual perlu dikenalpasti dengan baik dan penggunaan komoditi tempatan perlu diutamakan. Penyelidik mencadangkan agar institusi perbankan Islam dapat menyusun semula modus operandi mereka supaya perlantikan pihak bank sebagai ejen pelanggan bagi menjual komoditi dapat dilakukan selepas pelanggan menerima komoditi yang dibeli. Kajian ini hanya memfokuskan kepada produk pembiayaan peribadi berasaskan *tawarruq* di BIMB dan RHBIB. Penyelidik hanya menggunakan Standard Syariah No.30 yang dikeluarkan oleh AAOIFI sebagai garis panduan *tawarruq* bagi membandingkannya dengan pelaksanaan *tawarruq* dalam produk pembiayaan peribadi di kedua-dua bank tersebut. Penyelidik juga menghadkan kajian ini hanya kepada komoditi *tawarruq* dan perwakilan.

Rujukan

Ab. Ghani, A. M. dan Che Abdullah, A. S. (2006). *Tawarruq: Konsep dan Aplikasi dalam Kewangan Islam*. Dalam Ab. Ghani, A.M. dan Mansor, F, *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (p. 128). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Abdull Mutalip, A. L. (Feb/Mac 2009). Deposit Based on Tawarruq. *Islamic Finance Asia*, 2 (1), 46.
- Ab Rahman, A. et.al (Mei-Ogos 2010). Bay' al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad. *Jurnal Syariah*, 18 (2), 333-360.
- Al-Zuhaylī, W. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, (5: 3475). Damshiq: Dāral-Fikr.
- Anuar, Z. M (Ketua Pembiayaan Peribadi, Perbankan Pengguna, BIMB), dalam temubual dengan penyelidik melalui email, 25 Ogos 2014.
- Bank Negara Malaysia, dicapai 22 januari 2013. http://www.bnm.gov.my/guidelines/01_banking/04_prudential_stds/07_shariah_resolution.pdf.
- Bank Negara Malaysia, (t.t). *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam: ed. Ke-2*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Dusuki, A. W. (2010). Can Bursa Malaysia's Suq al-Sila' (Commodity Murabahah House) Resolve the Controversy over Tawarruq? *ISRA Research Paper (10/2010)*, dicapai 5 November 2011, www.isra.my/media-centre/downloads/summary/29/186.html, 14
- Engku Ali, E. R. A. (2008). Bay' al-Inah and Tawarruq: Mechanism and Solutions. Dalam Bakar, M.D et. al, *Essential Readings in Islamic Finance*, (p. 133-165). Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd.
- Ḥamād, N. (1993). *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-'iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'*. Herndon, Virginia: al-Ma'had al-'ālamī lilfikr al-'islāmī.
- Haneef, R. (2009). Is the Ban on "Organised Tawarruq" the Tip of the Iceberg? *ISRA Research Paper (2/2009)*, laman sesawang ISRA, dicapai 5 November 2011, www.isra.my/media-centre/downloads/summary/29/138.html,
- Hasan, A. (28-29 Jun 2006). Isu-isu dalam Penggunaan Bai' al-'Inah & Tawarruq: Perspektif Hukum. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara*. Langkawi.
- Islamic Finance Knowledge Repository (I-FIKR), dicapai 22 Januari 2013, <http://ifikr.isra.my/>
- Laldin, M. A. et. al. (2012). Fatwas in Islamic Banking: A Comparative Study between Malaysia and Gulf Cooperation Council (GCC) Countries. *ISRA Research Paper (31/2012)*, 18.
- Maḥmūd, M. M. 'A. (2012). Ikhtilāf Ārā'a al-Fuqahā' Ḥawla Taṭbīq Muntajāt al-Tawarruq al-Munazzam, wa Bay' al-'Inah, wa al-Dayn fī al-Maṣārif al-Islāmiyah. *Majallat al-Islām Fī Āsiyā*, 9 (2), 5.

- Maḥmūd, M. M. H. (2010). *Al-Aḥkām al-Muta‘alaqah bi-al-Tawarruq fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah Dirāsah Fiqhiyah Iqtisādiyyah Taṭbiqiyah*. Al-Iskandariyah: Dār al-Fikr al-Jāmi‘ī.
- Mohamad, S. (28-29 Jun 2006). Isu-isu dalam Penggunaan Bai' al-Inah dan Tawarruq: Perspektif Hukum. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara*. Langkawi.
- Osman, M. F. (2007). *Bai al-Inah and Tawarruq as a Solution to Interest-Based Personal Financing facility* (Tesis Sarjana, Fakulti Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia).
- Shaharuddin, A. "The Bay' al-Inah Controversy in Malaysian Islamic Banking", dicapai 22 Januari 2013, <http://www.kantakji.com/fiqh/Files/Markets/p118.pdf>,
- Sheikh Ahmad, M. P. (28-29 Jun 2006). Bai Al-Inah & Tawarruq Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara*. Langkawi.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah. (t.t). *Al-Mawsū‘ah Al-Fiqhiyyah*. (14: 147) Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah.